

Buletin Edisi 1/2013

Jaluma


Jawatankuasa Latihan Bersama Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia



**Menteri Pengajian Tinggi
lancar logo Sambutan
20 tahun UTHM**

**Program Sangkutan UKM dengan
University Duisburg - Essen, Jerman
& Stockholm University, Sweden**

LB
2326.3
.B85



Seminar sehari bersama Dato'
Dr. Mohd. Fadzilah Kamsah



UnISZA rai rakan industri



Majlis Bersama Pemimpin
Datuk Mukhriz Tun Dr. Mahathir



Mini Karnival Rekreasi UM bersama Menteri Belia dan Sukan

Langkah membudayakan sukan dalam kalangan warga kampus Universiti Malaya (UM) bergerak seiring dengan usaha menimba ilmu bagi melahirkan mahasiswa yang seimbang merangkumi pencapaian akademik dan fizikal tubuh badan yang cergas. Justeru itu, UM menerusi Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Sekretariat Rakan Muda UM telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan program Mini Karnival Rekreasi UM bersama Menteri Belia dan Sukan, YB. Dato' Ahmad Shabery Cheek bertempat di Padang Varsity pada 12 Mei 2012.

Program yang berbentuk *engagement* berskala besar ini melibatkan penyertaan lebih 1000 pelajar dan staf UM di samping warga Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Malaysia adalah julung kali diadakan.

Penganjuran mini karnival ini secara tidak langsung dapat membantu warga kampus UM dalam menerapkan gaya hidup sihat melalui sukan yang amat dititikberatkan pada masa kini.



Kiambang Bertaut erat persaudaraan dalam kalangan pentadbir UTeM

Ukhuwah Islamiyah atau persaudaraan Islam adalah salah satu aspek yang *vital* dan sangat ditekankan di dalam ajaran agama Islam. Begitu juga kepentingan semangat kerja berpasukan dalam pekerjaan yang mana jika ianya tidak diendahkan maka akan menjejaskan prestasi dan produktiviti organisasi.

Atas kepentingan ini satu program yang dikenali sebagai program Kiambang Bertaut telah dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (HRD), Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Kiambang Bertaut yang bertemakan *Make A Difference (MAD)* dirangka khusus untuk menjadi platform bagi mengerat dan mengukuhkan hubungan dalam kalangan Pentadbir UTeM. Program yang dijalankan pada 16 hingga 18 Julai 2012 di Cheringin Hills, Janda Baik itu bertujuan untuk menanam *mindset* yang positif terhadap pekerjaan dan meningkatkan produktiviti kerja yang cemerlang, di samping untuk mempertajamkan skil komunikasi dan interaksi serta mempertingkatkan semangat kerja berpasukan.

Program kendalian Orange Training Sdn. Bhd. ini memfokuskan kepada enam topik utama iaitu *Mind Transformation, Towering Personality, Heart to Heart, Service Mindset & Under Promise Over Deliver, Power of Communication* dan *Ukhuwah dan Teaming To Win*. Di samping aktiviti dalam dewan, 33 orang peserta yang hadir juga turut disajikan dengan aktiviti luar *Jungle Trekking* pada hari kedua program berlangsung.

